

Kajian Literatur: Hubungkait Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemahiran Menulis

BITARA

Volume 6, Issue 3, 2023: 99-108
 © The Author(s) 2023
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 28 May 2023
 Accepted: 22 June 2023
 Published: 11 July 2023

[Literature Review: The Correlation between The Mastery of Arabic Grammar and Writing skills]

Muhammad Irfan Mhd Rusdi,¹ Ibrahim Abdullah,¹ Fariz Azzuan Amat Suparia,¹
 Muhammad Syaffiq Mohammed Raffi¹ & Farhana Ghazuddin^{2*}

1 Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.

2 Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA

*Corresponding Author: ibrahim970@uitm.edu.my

Abstrak

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa asing yang mendapat tempat dalam kalangan pelajar di Malaysia. Banyak kursus bahasa Arab ditawarkan di universiti-universiti yang memfokuskan kepada pelbagai bidang Bahasa Arab. Tatabahasa Arab merupakan salah satu cabang ilmu bahasa Arab dalam bidang linguistik. Namun begitu, pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami dan mempraktikkan tatabahasa Arab dengan betul. Penguasaan tatabahasa pelajar sangat penting untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Banyak kajian mengaitkan penguasaan Bahasa Arab dengan kemahiran-kemahiran Bahasa bagi mengenal pasti keupayaan pelajar dalam menguasai Bahasa ini dengan sangat baik. Oleh itu, kajian ini membincangkan sorotan literatur mengenai penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis dengan membuat rujukan daripada pelbagai sumber termasuk jurnal, artikel, tesis dan buku. Hasil kajian mendapati pengetahuan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis berkait rapat dan terdapat korelasi positif bagi kedua-duanya. Kajian ini juga menawarkan beberapa cadangan dan saranan untuk kajian akan datang.

Kata kunci: tatabahasa, kemahiran menulis, bahasa arab sebagai bahasa asing

Abstract

Arabic is one of the foreign languages gaining popularity among Malaysian students. Many Arabic language courses focusing on various areas of the Arabic language are offered in universities. Arabic grammar is one of the Arabic language's branches within linguistics. However, students have difficulty understanding and applying correct Arabic grammar. The mastering of grammar by students is crucial for teaching and learning Arabic. Multiple studies associate Arabic mastery with language skills in order to identify students' ability to grasp this language. Consequently, this study provides a literature review on the mastery of Arabic grammar and writing skills by citing a variety of journals, articles, theses, and books. According to the study's findings, mastery of Arabic grammar and writing skills are strongly associated and positively correlated. This study also provides recommendations and suggestions for future research.

Keywords: grammar, writing skills, arabic as a foreign language

Cite This Article:

Muhammad Irfan Mhd Rusdi, Ibrahim Abdullah, Fariz Azzuan Amat Suparia, Muhammad Syaffiq Mohammed Raffi & Farhana Ghazuddin. (2023). Kajian Literatur: Hubungkait Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemahiran Menulis [Literature Review: The Correlation between The Mastery of Arabic Grammar and Writing skills]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 99-108.

Pengenalan

Di Malaysia, program kursus Bahasa Arab yang disediakan oleh institusi pengajian tinggi, sama ada di universiti awam atau swasta, menggunakan model pelajaran yang terperinci dan tersendiri demi meningkatkan kefahaman para pelajar. Kurikulum untuk Bahasa Arab sebagai bahasa asing dirancang dengan teliti, ia telah mengambil kira pelbagai elemen dan aspek yang relevan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan bukan sekadar transformasi pengetahuan, tetapi juga mendedahkan pelajar secara langsung kepada kemahiran-kemahiran utama dalam bahasa yang dipelajari, seperti kemahiran mendengar, membaca, menulis, dan bertutur. Kemahiran-kemahiran ini bukan sahaja dibezakan, tetapi juga dibahagikan kepada dua jenis iaitu kemahiran reseptif yang merangkumi kemahiran mendengar dan membaca, serta kemahiran produktif yang melibatkan kemahiran bertutur dan menulis.

Kemahiran Menulis dapat didefinisikan sebagai keupayaan dalam mengartikulasikan, menjelaskan dan mentafsir buah fikiran, idea, dan pandangan bermula dari aspek yang mudah seperti menulis kata-kata sehingga kepada aspek yang kompleks iaitu mengarang esei (Hermawan, 2011). Oleh itu, kemahiran menulis merupakan antara kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar bahasa asing dalam meningkatkan penguasaan mereka dalam Bahasa Arab (Maulida, 2022).

Dalam konteks linguistik, tatabahasa Arab didefinisikan sebagai cabang ilmu yang memberikan penjelasan tentang kaedah atau formula yang memudahkan penggunaan bahasa secara tepat, ia merupakan cabang ilmu linguistik yang menerangkan kaedah atau rumus yang dapat membantu dalam menggunakan bahasa dengan betul walaupun tanpa penggunaan istilah khusus (Hasan Shahatah, 1992 : Wan Rohani, 2018).

Memandangkan tatabahasa merupakan salah satu cabang ilmu yang sangat penting dalam Bahasa Arab, Hasan Shahatah (1992) berpendapat bahawa dengan mengusai keupayaan ini sudah tentu akan dapat membantu pelajar membetulkan penggunaan bahasa dalam konteks percakapan atau bacaan, dan seterusnya dapat membantu mereka dalam meningkatkan kualiti penulisan Bahasa Arab. Oleh yang demikian itu, tidak dapat dinafikan bahawa penguasaan tatabahasa Arab sangat penting dan memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi kemahiran bahasa. Ia berupaya dalam menentukan maksud ayat dalam sesuatu penulisan. Ini kerana apabila berubahnya baris pada hujung perkataan, ia akan menyebabkan perubahan pada *i’rab* dan tentunya akan memberi kesan secara langsung kepada makna dan maksud ayat tersebut (Wan Rohani, 2018).

Bertitik tolak dari perkara ini, kajian ini lebih tertumpu pada sorotan literatur yang membincangkan penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis dengan merujuk sumber dan rujukan berbentuk jurnal, artikel, tesis dan penulisan akademik, yang dapat membantu para pengkaji dalam mendapat maklumat dan informasi yang berkaitan. Kajian ini juga dimulakan dengan eksplorasi pembacaan dengan menerangkan penguasaan tatabahasa Arab secara am dan membincangkan penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar asing. Seterusnya, kemahiran menulis dalam konteks pembelajaran bahasa Arab juga dibahaskan dalam kajian ini. Selain itu, para pengkaji juga menjelaskan hubungkait antara penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis.

Penguasaan Tatabahasa Arab

Penguasaan tatabahasa Arab diperakui sebagai salah satu elemen utama yang mempengaruhi kemahiran bahasa Arab secara keseluruhan. Kajian menunjukkan bahawa kegagalan dalam menguasai tatabahasa Arab di kalangan pelajar boleh membawa kepada implikasi yang pelbagai terhadap kemahiran menulis jika tatabahasa tidak dihimpun dengan efisien serta tidak dikuasai dengan baik (Wan Rohani, 2018). Akibatnya, tahap pencapaian pelajar dan penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran akan menurun akibat kekurangan kemahiran tersebut.

Tujuan pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab adalah untuk membolehkan pelajar mampu mengaplikasikan penulisan bahasa Arab dengan baik dan efektif, selain mampu menulis teks berdasarkan modul yang telah dipelajari. Berdasarkan tahap pembelajaran peringkat IPT, pelajar juga sepatutnya mampu untuk membuat rumusan terhadap sesuatu peristiwa yang telah mereka dengar, lihat dan baca (Naqah, 1985). Kesemua kemahiran ini tidak mampu dikuasai oleh pelajar dengan hanya pembelajaran selama 2 jam satu minggu bagi pelajar yang mengambil bahasa ketiga. Hal ini kerana, pelajar yang mengambil pengkhususan dalam bidang Bahasa Arab yang setiap masa mendengar ucapan dan membaca petikan bahasa Arab pun kurang kemampuan menulis bahasa Arab dengan baik masih belum dikuasai oleh pelajar, walaupun mereka sudah pun berada pada peringkat pengajian tinggi.

Selain itu, para guru sering berhadapan dengan kesilapan penulisan seperti ejaan yang tidak tepat, penggunaan kata kerja yang salah, penggunaan jantina dan kehilangan hubungan antara kata dalam satu ayat (Noor Anida et al., 2014). Dalam banyak kes, guru mendapati dan sering merungut bahawa terdapat pelajar yang bergantung pada terjemahan dari perisian 'Google Translate' walaupun dalam membina dan menulis ayat yang mudah. Kekurangan ini timbul kerana tahap penguasaan tatabahasa bahasa Arab di kalangan pelajar yang mengambil pengkhususan bahasa Arab tidak mencapai tahap kecekapan yang baik dan memuaskan (Haron et al., 2010).

Manakala menurut pandangan Razali (2020), defisit dalam pengetahuan tatabahasa pelajar bakal menjadi penghalang utama dalam pembelajaran komunikasi yang efektif. Penelitian tersebut menunjukkan betapa pentingnya motivasi dalam memperbaiki penguasaan komunikasi, dan elemen tersebut dapat dizahirkan melalui pengetahuan tatabahasa yang benar dan tepat. Oleh itu, penguasaan pengetahuan tatabahasa yang mendalam adalah antara langkah pertama dan penting sebelum memulakan komunikasi. Di Malaysia, komunikasi dilihat sebagai elemen penting dalam proses pendidikan kerana ia membantu pelajar-pelajar memahami dan menguasai ilmu pengetahuan seterusnya bidang yang diceburi, yang akan memberikan kebaikan dalam jangka panjang kehidupan mereka.

Tahap pemahaman dan kemahiran dalam subjek tatabahasa Arab dinilai berdasarkan kompetensi dan digambarkan sebagai salah satu kumpulan kemahiran generik, kemahiran asas, kemahiran utama, dan kemahiran personal yang merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran serta sikap yang menjadi asas kekuatan, dan berpotensi untuk meningkatkan kefahaman, penguasaan, minat dan motivasi pelajar (Rahman et al., 2020).

Sementara itu, berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Mohamad dan Jabar (2017) telah mendapati bahawa kelemahan dalam kurikulum dan strategi pembelajaran yang tidak

efektif juga menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada kelemahan pelajar Melayu dalam menguasai penulisan bahasa Arab. Penemuan ini selaras dengan kajian Ismail (2016) juga, yang menjelaskan bahawa modul kemahiran menulis dalam bahasa Arab pada peringkat pengajian tinggi di Malaysia adalah terbatas dan kurang memberi tumpuan kepada unsur psikologi. Ini mencerminkan konflik yang berterusan mengenai kemahiran menulis dalam bahasa Arab dan menjadi tema perbahasan dan perbincangan bagi para pengkaji dalam kajian penguasaan bahasa Arab (Ismail et al. 2016).

Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar

Tatabahasa merupakan “satu sistem, peraturan dan undang-undang sesuatu bangsa yang diketahui oleh masyarakat penutur” (Jamaluddin & Baharudin, 2021) dan ia adalah satu cabang ilmu yang kompleks dengan pengkhususan tajuk yang lebih besar dan kaedahnya yang sangat meluas dan rumit (Misnan & Ghazali, 2019). Pembelajaran tatabahasa ini sangat penting dalam membetulkan penggunaan bahasa penutur samada penutur asli atau penutur asing dan ia merupakan tunjang bahasa yang mempunyai peranan besar dalam penguasaan bahasa Arab (Mohamed et al., 2001).

Banyak kajian yang membincangkan penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab antaranya kajian daripada Jaafar et al (2019) berkenaan hubungan antara tahap penguasaan asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka yang memfokuskan salah satunya kepada pengetahuan tahap penguasaan tatabahasa Arab pelajar. Dapatan kajian menghasilkan penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar pada tahap sederhana dan beliau berpendapat tatabahasa Arab perlu ditekankan dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Dalam kajian lain daripada Mokhtar et al (2018) juga berpendapat bahawa tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Hasil kajian ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut topik-topik yang terdapat dalam pembelajaran tatabahasa Arab di mana penguasaan pelajar terhadap kata nama bahasa Arab dan frasa sifat adalah tinggi, manakala penguasaan terhadap *nawésikh*, kata tugas, ayat kata kerja, ayat kata nama berada pada tahap sederhana. Pengkaji juga telah mencadangkan beberapa strategi yang dapat membantu pelajar dalam meningkatkan tahap penguasaan tatabahasa Arab antaranya ialah mewujudkan perbincangan dan bimbingan dengan rakan kelas selain membuat rujukan buku tatabahasa terkini serta mempraktikkan tatabahasa Arab dalam komunikasi sehari-hari dengan rakan-rakan mahupun guru.

Selain itu, Azzam (2022) menjalankan kajian berkaitan penguasaan tatabahasa arab bagi pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Kajian ini mengecilkan skop kajian kepada 5 topik tatabahasa Arab termasuk *al-ma’rifatt wa an-nakiratt*, *al-ifrād*, *at-tathniyatt*, and *al-jam’*. Hasil kajian menunjukkan adanya peningkatan pada penguasaan tatabahasa Arab bagi topik-topik ini dalam kalangan pelajar. Dalam pada itu, kajian dari Jamaluddin dan Baharudin (2021) berkenaan tahap penggunaan strategi pembelajaran tatabahasa Arab dan penguasaan kata kerja Arab dalam kalangan pelajar pengajian Arab di Malaysia mengesahkan bahawa tahap penggunaan strategi pembelajaran tatabahasa Arab pelajar pada tahap sederhana. Penggunaan Bahasa Arab di dalam atau luar kelas dapat membantu pelajar dalam meningkatkan tahap

penguasaan mereka dalam tatabahasa Arab sekali gus dapat meningkatkan motivasi dalam mempelajari Bahasa Arab.

Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Samah (2012), dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar IPT yang mengikuti bidang bahasa Arab dalam menyusun perkataan adalah pada tahap baik, sementara menyambung ayat pula berada pada tahap sederhana dan penulisan karangan berada pada tahap paling lemah. Ramlie et al. (2016) mengkaji permasalahan penulisan teks dalam kalangan pelajar bahasa Arab di UPSI. Dapatan kajian beliau memperoleh penemuan baharu tahap penguasaan pelajar dalam membina ayat khususnya dalam penulisan bahasa Arab berada pada tahap lemah. Walaupun, kebanyakan pelajar telah menghafal dan mengingati semua formula dan rumus dalam bahasa Arab dengan baik, tetapi mereka gagal untuk mengaplikasikannya dalam teks penulisan mereka. Oleh itu, pendekatan formula ayat diperkenalkan kepada pelajar bagi membantu pelajar membina ayat dengan cara yang betul dalam bahasa Arab. Hal ini bersesuaian dengan cadangan Samah (2012) bahawa pemilihan bahan adalah penting bagi menjayakan tulisan supaya proses penulisan dapat memberikan motivasi kepada mereka. Sebaliknya bahan yang sukar akan menyusahkan pelajar dan menurunkan minat mereka untuk menulis. Kaedah-kaedah penulisan yang berkesan hendaklah diperkenalkan kepada pelajar supaya mereka dapat menggunakan dalam penulisan (Baharum & Samah, 2015).

Tatabahasa Arab dan Kemahiran Menulis

Tatabahasa dan kemahiran menulis saling berhubungan rapat antara satu sama lain dalam membantu pelajar menguasai kemahiran menulis dan komunikasi. Antara kajian yang mengaitkan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis adalah dari Mokhar et al (2020), hasil kajian telah menunjukkan bahawa implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar asasi Universiti Awam Malaysia. Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab dan ujian kemahiran menulis dan mendapati bahawa penguasaan tatabahasa Arab mempunyai implikasi yang signifikan terhadap kemahiran menulis pelajar dalam bahasa Arab. Berdasarkan dapatan kajian, penguasaan tatabahasa Arab dapat membantu pelajar dalam memahami ayat dengan lebih jelas. Hal ini dikatakan demikian kerana, pelajar akan menghadapi kesukaran dalam penulisan Bahasa Arab sekiranya pelajar kurang pengetahuan dalam tatabahasa Arab dan mengakibatkan pelajar tidak dapat memahami apa yang ditulis atau sukar dalam menyampaikan maksud penulisan dalam Bahasa Arab.

Manakala kajian tentang permasalahan kemahiran menulis Bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat pengajian tinggi yang dijalankan oleh Sulaiman et al (2018) mendapati kelemahan dalam penulisan Bahasa Arab yang dihadapi pelajar berlaku dalam lima aspek dan salah satunya aspek sintaksis dan morfologi. Antara kelemahan pelajar melibatkan kesalahan penggunaan jantina (*muzakkir* dan *muannath*), pemilihan kata ganti nama diri (*dhomir*), *i'rab*, pemilihan kata tunggal, duaan dan *jamak*, dan frasa (*idafah* & *sifat*). Para

pengkaji juga berpendapat kurangnya pengetahuan dalam kaedah nahu dan *sorof* serta kekurangan latihan penulisan menyebabkan pelajar sering melakukan kesalahan dalam penulisan Bahasa Arab.

Selain itu, kesalahan sintaksis adalah kesalahan yang sering dan kerap dilakukan oleh pelajar kerana mereka kurang pengetahuan dalam memahami kaedah tatabahasa Arab. Di samping itu, latihan berbentuk esei merupakan faktor penyumbang kepada kekerapan berlakunya kesalahan dalam penulisan terutamanya kesalahan tatabahasa Arab (Baharum et al, 2021). Pendapat ini menyokong hasil dapatan kajian Nurhanifah (2021), iaitu dalam kajiannya mendapati bahawa permasalahan linguistik dalam kemahiran menulis adalah faktor tatabahasa Arab. Penguasaan tatabahasa Arab amatlah penting untuk membantu pelajar dalam membina ayat yang betul dan mengelakkan pelajar dari membuat kesalahan penggunaan bahasa dalam sesbuah perkataan sehingga membawa definisi yang berbeza dari pemahaman asal. Pelajar digalakkan memperbanyak bacaan teks Bahasa Arab dan memberi penekanan terhadap pembelajaran tatabahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran menulis.

Peranan Tatabahasa dan Kemahiran menulis

Sememangnya tatabahasa mempunyai hubungkait yang jelas dengan kemahiran menulis seperti kajian yang telah dijalankan oleh Betoni & Ulfaika (2020), yang bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara penguasaan tatabahasa pelajar dengan pencapaian penulisan mereka. Dua ujian telah dilaksanakan iaitu melakukan ujian kolerasi *pearson* dalam kajiannya; ke atas ujian tatabahasa dan ujian menulis. Dapatan kajian mendapati nilai tahap penguasaan pelajar pada tahap baik begitu juga dengan tahap pencapaian penulisan mereka. Keputusan kajian menunjukkan wujudnya korelasi antara penguasaan tatabahasa dan pencapaian penulisan pelajar. Ini bermakna, pelajar yang menguasai tatabahasa dengan baik, cenderung dalam memperoleh pencapaian penulisan yang cemerlang dan begitu juga sebaliknya. Kajian ini juga menyatakan kosa kata memainkan peranan penting dalam penentuan tahap penguasaan tatabahasa pelajar dan pencapaian mereka dalam ujian menulis. Hal ini dikatakan kerana pelajar yang mempunyai kosa kata yang baik, mampu menulis dengan baik walaupun mempunyai tahap penguasaan tatabahasa yang agak lemah.

Selain itu, kajian dari Etfifa (2019) yang memfokuskan kepada mengetahui hubungkait antara penguasaan tatabahasa pelajar dan keupayaan mereka dalam menulis berita. Kajian yang dijalankan menunjukkan adanya korelasi positif antara tahap penguasaan tatabahasa pelajar dan keupayaan penulisan mereka. Kajian menyimpulkan bahawa penguasaan tatabahasa memberi kesan terhadap keupayaan penulisan pelajar apabila pelajar yang lemah dari segi tatabahasa menghadapi kesukaran dalam penulisan terutama penulisan teks berbentuk deskriptif. Penyataan ini disokong oleh Handayani & Johan (2018) berdasarkan kajian yang telah dilakukan yang memberi penumpuan terhadap korelasi antara permasalahan tatabahasa pelajar dan kemampuan menulis. Hasil dari kajian mendapati wujudnya korelasi yang tinggi antara permasalahan tatabahasa pelajar dan kemampuan menulis. Ini menjelaskan penguasaan tatabahasa memberi impak kepada kemampuan pelajar dalam kemahiran menulis. Pelajar akan menghadapi kesukaran dalam penulisan sekiranya mereka perlu menulis tanpa persediaan dan mereka tidak berupaya memikirkan tatabahasa yang tepat semasa proses itu berlangsung.

Begitu juga, perbezaan yang terdapat dari bahasa ibunda dan bahasa asing juga menjadi salah satu punca pelajar lemah dalam penguasaan tatabahasa.

Berlainan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Setyowati dan Hardiastikna (2019) berkenaan korelasi tatabahasa dan pencapaian menulis pelajar. Kajian mendapati tiada korelasi berlaku antara keupayaan menulis pelajar dan tahap penguasaan mereka dalam tatabahasa. Dapat difahamkan dari dapatan ini bahawa pelajar yang mempunyai penguasaan tatabahasa yang baik berkemungkinan mempunyai keupayaan menulis yang lemah dan sebaliknya. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Septiani (2014) dan Febrianti (2017).

Kesimpulan

Berdasarkan sorotan kajian lepas, penguasaan tatabahasa Arab sangat penting untuk dikuasai dalam mempelajari bahasa Arab dan ia juga berfungsi sebagai satu cabang ilmu yang dapat membantu pelajar-pelajar dalam meningkatkan keupayaan mereka terhadap bahasa Arab terutamanya kemahiran bahasa utama. Penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar bahasa Arab sebagai bahasa asing pula dikatakan pada tahap sederhana. Beberapa kajian telah membahagikan topik-topi tatabahasa Arab dalam menentukan penguasaan tatabahasa Arab pelajar. Hasil rujukan mendapati terdapat topik-topik yang dapat dikuasai oleh pelajar dengan sangat baik seperti kata nama dan frasa sifat. Tetapi, ada beberapa topik yang kurang penguasaannya dalam kalangan pelajar antaranya ayat kata kerja dan kata tugas. Oleh itu, pelajar-pelajar disarankan membuat rujukan buku tatabahasa Arab begitu juga mempraktikkannya melalui penulisan dan komunikasi dengan rakan-rakan mahupun guru.

Tatabahasa Arab dapat dilihat mempunyai hubungkait yang rapat dengan kemahiran menulis. Penguasaan tatabahasa Arab dapat membantu pelajar dalam membina ayat yang betul dan menyampaikan idea dan pendapat dengan baik. Tambahan pula, ia juga dapat membantu pelajar dalam memahami ayat-ayat bahasa Arab dengan lebih jelas berdasarkan kaedah-kaedah tatabahasa yang mereka telah pelajari. Ini kerana, pemahaman ayat atau teks sangat memerlukan kepada penguasaan tatabahasa yang baik kerana kesalahan penggunaannya pada sesebuah perkataan boleh membawa kepada definisi dan pemahaman yang berbeza dan memberi kesan terhadap tujuan dan maksud asal ayat atau teks tersebut.

Selain itu, wujudnya korelasi antara penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis dan banyak kajian mendapati adanya hubungan positif antara kedua-duanya. Ini bermaksud, sekiranya pelajar mempunyai penguasaan tatabahasa Arab yang baik, akan memberi kesan positif terhadap keupayaan penulisannya dalam bahasa Arab. Tetapi, pelajar menghadapi kesukaran dalam penulisan bahasa Arab dengan penggunaan tatabahasa yang betul dan tepat apabila mereka tidak dapat membuat persediaan dengan baik sebelum menulis.

Oleh itu, satu perbincangan berkenaan strategi pembelajaran tatabahasa arab dalam meningkatkan kemahiran menulis perlu diberi perhatian pada kajian akan datang agar dapat membantu pelajar mempraktikkan tatabahasa yang betul dalam penulisan serta dapat memantapkan penguasaan bahasa arab mereka dengan lebih baik dan berkesan. Selain itu, Cadangan terhadap kelemahan yang dihadapi oleh pelajar ini mungkin boleh ditambah baik jika diadakan pembelajaran secara komprehensif atau berkumpulan dalam membina ayat mudah agar mereka lebih memahami konsep penulisan Bahasa Arab. Perkara ini perlu disemak oleh pensyarah dan melakukan pembetulan semasa proses itu berlangsung.

Rujukan

- Azzam, A. F. A. 2022. The Acquisition of Arabic Grammar as a Second Language among Arabic Learners at King Saud University. *JALSAT: Journal of Arabic Language Studies and Teaching*, 2(1), 33-47.
- Baharum, A. S., & Samah, R. 2015. Persepsi pelajar universiti awam terhadap kesalahan bahasa Arab, faktor penyumbang dan implikasi. *Sains Humanika*, 6(1).
- Baharum, A. S., Zainalii, S. I., & Ibrahimiii, M. L. 2021. Persepsi pensyarah terhadap kesilapan linguistik Arab dalam penulisan esei pelajar bukan penutur jati. *E-prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains* (p. 1, September).
- Betoni, T., & Ulfaiqa, R. 2020. The correlation between students' grammatical mastery and students' writing achievement at xi grade students of SMAN 1 Tarakan academic year 2019/2020. *Borneo Journal of English Language Education*, 2(1).
- Etfita, F. 2019. The correlation between students' grammar mastery and news writing ability. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan*, 11(1), 58-70.
- Febrianti, M. 2017. *The Correlation Between Grammar And Writing Achievement (A Correlation Study At The 2nd Semester Of English Language Education Program (Elep) Students Of Universitas Brawijaya In Academic Year 2016/2017)* (Doctoral dissertation, Universitas Brawijaya).
- Ghani, M. T. A. 2020. Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). *International Journal of Islamic Studies (AL-QANATIR)*, 15(1), 12-22.
- Handayani, N. D., & Johan, M. 2018. Correlation between problem faced in grammar and writing ability of efl university students. *JEE (Journal of English Education)*, 4(2), 108-120.
- Haron, S. C., Ahmad, I. S., Mamat, A., & Mohamed, I. H. A. 2010. Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies among Selected Malay Learners: A Case-Study at the International Islamic University Malaysia (IIUM). *Contemporary Issues in Education Research*, 3(8), 9-20.
- Hermawan, A. 2011. Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab. Bandung: PT Remaja Rosdakarya Branch, (2009). Instructional Design-The ADDIE Approach.
- Hermawan, H. 2011. Kemahiran Menulis dalam Bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 7(1), 75-84.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., & Daoh, M. 2016. Kerangka pembinaan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab untuk penutur bukan Arab di IPTA Malaysia. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016)*, pp. 581-592.
- Jaafar, N., Dzahid, M. Z. M., Radzi, N. A. A., & Salwai, A. M. 2019. Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka. *Jurnal Kesidang*, 4(1), 53-62.
- Jamaluddin, N. H., & Baharudin, H. 2021. Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu dan Penguasaan Kata Kerja Arab dalam Kalangan Pelajar Pengajian Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(2), 86-97.

- Jamaluddin, N. H., & Baharudin, H. 2021. Tahap penggunaan strategi pembelajaran nahu dan penguasaan kata kerja Arab dalam kalangan pelajar Pengajian Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(2), 86-97.
- Johnson, D. W., & Johnson, R. T. 1984. Structuring groups for cooperative learning. *Organizational Behavior Teaching Review*, 9(4), 8-17.
- Lubis, M. A. 2009. Keunggulan kaedah Elektik Sistematis dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar melayu. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 1(2), 29-38.
- Maulida, D. S., Rahman, M. A., Handrianto, C., & Rasool, S. 2022. A review of the blended learning as the model in improving students paragraph writing skills. *Abjadia: International Journal of Education*, 7(1), 59-72.
- Maulida, N. 2022. Penguasaan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asing. *Jurnal Ilmu Bahasa Arab*, 10(2), 45-56.
- Misnan, S. N., & Ghazali, S. S. 2019. Analisis kesalahan tatabahasa Bahasa Arab dalam kalangan pelajar dalam pembelajaran asas Bahasa Arab di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBL). *e-Prosiding: Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusian, PASAK 4 (2019)*
- Mohamad, A. H., & Jabar, M. A. A. 2017. Faktor kesalahan bahasa yang mempengaruhi pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Arab. *Jurnal al-Anwar*, 1(3), 21-32.
- Mohamed, A. K., Muhammad, A., & Jasmi, K. A. 2003. Permasalahan pengajaran nahu bahasa Arab kepada pelajar sarjana muda sains serta pendidikan (Pengajian Islam) UTM. In *Prosiding Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges* (pp. 1-12).
- Mokhtar, W. R. W., Abd Rahman, M. Z., Adnan, M. A. M., & Salleh, N. H. M. 2018. Kemampuan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia Mengaplikasikan Tatabahasa Arab dalam Kemahiran Menulis. *Albasirah Journal*, 8(2), 99-111.
- Mokhtar, W. R. W., Rahman, M. Z. A., Adnan, M. A. M., & Salleh, N. H. M. 2020. Implikasi Penguasaan Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *Albasirah Journal*, 10(1), 53-68.
- Naqah, M. K. A. 1985. Ta'lim al lughah al Arabiyah li al nathiqin bi lughat ukhra: ususuh-madakhiluh-Thuruq Tadrisuh. *Saudi Arabia: Universiti Ummul Qura*.
- Noor Anida, A., Norhayati, C. H., & Nurazan, M. R. 2014. Analisa kelemahan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar UniSZA. *Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*.
- Nurhanifah, N. S. 2021. Problematika mahasiswa Bahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran menulis Bahasa Arab. *semnasbama*, 5, 643-650.
- Rahman, A. A., Zulkifli, M. S., Hashimee, M., Wazir, A., Sayed, M., & Mansor, N. 2020. Tahap Penguasaan Ilmu Nahu Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 2(2), 102-116.
- Ramli, S., Atoh, N., Zakaria, Z. M., Husin, A. F. 2016. Aplikasi Penggunaan Formula Pola Ayat dalam Penulisan Teks Arab Dalam Kalangan Pelajar Ismp Bahasa Arab UPSI. *Persidangan Bahasa Arab Kebangsaan 2016 (PABA)*.

- Razali, H. A. M. 2020. Elemen pengajaran berkesan bahasa arab. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions*, 5(1).
- Rohani, W. 2018. Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemahiran Menulis. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Linguistik*, 3(1), 30-40.
- Samah, R. 2012. Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lepasan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2).
- Shahatah, H. 1992. Ilmu Tatabahasa Arab. *Jurnal Bahasa Arab dan Linguistik*, 6(1), 10-20.
- Septiani, R. 2014. *The correlation between grammar mastery and writing ability*. Unpublished Master's thesis. *UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta*.
- Setyowati, L., & Hardiastikna, D. D. 2019. The correlation between grammar and writing achievement of EFL sophomore students at STKIP PGRI Pasuruan, Indonesia. *Linguista: Jurnal Ilmiah Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya*, 3(1), 31-40.
- Sulaiman, S., Mustapha, N. F., Toklubok, P., & Sulong, W. M. W. 2018. Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi: Problems of Arabic Writing Skills Among Higher Learning Education Students. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 142-151.
- Wan Rohani, W. M. 2018. *Implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar asasi universiti awam Malaysia* (Tesis PHD, University of Malaya).